

PERCUBAAN NEGERI KEDAH 2016

SKEMA PEMARKAHAN KERTAS 1 BAHASA MELAYU TINGKATAN 5

BAHAGIAN A: SOALAN KARANGAN BERPANDUKAN BAHAN RANGSANGAN

MARKAH PENUH : 30 MARKAH

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30	<ul style="list-style-type: none">▪ Menepati tema bahan rangsangan▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat▪ Wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik▪ Idea relevan, huraihan jelas dan matang
Baik	20-25	<ul style="list-style-type: none">▪ Menepati tema bahan rangsangan▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat▪ Penggunaan kosa kata luas▪ Wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi▪ Idea relevan, huraihan jelas
Memuaskan	15-19	<ul style="list-style-type: none">▪ Masih menepati tema bahan rangsangan▪ Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat▪ Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat▪ Penggunaan kosa kata umum▪ Wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi▪ Idea masih relevan, huraihan masih jelas
Kurang memuaskan	10-14	<ul style="list-style-type: none">▪ Masih/kurang menepati tema bahan rangsangan▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat▪ Kesalahan tatabahasa /ejaan ketara▪ Penggunaan kosa kata terhad▪ Wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi▪ Idea masih /kurang relevan, huraihan masih / kurang jelas
Pencapaian minimum	01-09	<ul style="list-style-type: none">▪ Murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis▪ Murid tidak memahami tema bahan rangsangan▪ Idea tidak menepati tema bahan rangsangan

Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

BAHAGIAN B : KARANGAN RESPON TERBUKA

(100 Markah)

PERINCIAN PEMARKAHAN

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan
 - a. Kurang daripada 350 patah perkataan, periksa seperti biasa: layak sehingga peringkat kepujian atas sahaja.
 - b. Terlalu panjang - periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan: layak cemerlang sekiranya memenuhi kriteria.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak 1/2 markah dan pemotongan maksimum 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

_____ = Kesalahan tanda baca

BIL.	KRITERIA	DESKRIPSI
1.	BAHASA (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none">• Kegramatisan - Kata (morfologi) - Ayat (sintaksis)• Tanda baca• Ejaan
2.	LARAS (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none">• Pemilihan kata
3.	IDEA (Isi)	<ul style="list-style-type: none">• Tema• Isi utama• Pengembangan (Huraian/bahasa/hujahan/contoh)• Kerelevan

4.	PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> • Wacana • Logik • Pemerengganan • Format
5.	GAYA BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> • Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan kosa kata sangat luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsurbahasa bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Kepujian	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikandengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Penggunaan unsurbahasa bervariasi.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahanbahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
Baik	51 - 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan kosa kata masih tepat. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahanbahasa dan penggunaan ungkapan masih berkesan.
Memuaskan	36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis kata masih tepat/kurang tepat. • Ayat masih /kurang gramatis. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Pengolahan masih/kurang menarik. • Wacana masih/kurang lengkap. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang menarik.
Kurang memuaskan	21 - 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kata kurang tepat. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang. • Unsur bahasa tidak bervariasi.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		<ul style="list-style-type: none"> • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.
Pencapaian Minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan jeaan dan tandabaca yang ketara. • IdeaberCampur aduk dan huriaian tidak jelas /tidak berkembang dan contoh tidak sesuai • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggantidak seimbang dan tidak sesuai. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Keseluruhan karangansukar / tidak difahami.

Cara menulis

K -	Peringkat Markah contoh	K -	75
-E -	Mak. 3 markah	-E -	03
-F -	Mak. 2 markah	-F -	02
Jumlah -	Markah bersih	J -	70

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – PERCUBAAN SPM

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang perlu diambil untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. Penjangnya huraian hendaklah antara 200-250 patah perkataan.

Kehendak Soalan

1. Pelajar perlu menghuraikan **langkah-langkah yang perlu diambil untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat**.
2. Pelajar mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.:
 - Menyediakan alat kawalan kebakaran
 - Memperkenan tanda amaran bahaya
 - Meningkatkan kawalan keselamatan
 - Menyediakan pelan kecemasan
3. Sekiranya calon menambahkan isi lain dan berkaitan dengan langkah mewujudkan **persekitaran sekolah selamat, isi tersebut boleh diterima**.
4. **Soalan yang dikemukakan ialah ‘persekitaran sekolah selamat’ tetapi calon menulis secara umum atau tidak menyatakan secara khusus @ bukan dalam kawasan sekolah – dari segi tugas, menepati tugas dan impresion turun sedikit. Markah maksimum peringkat kepujian.**
5. Jika calon menulis karangan tentang **gambar bahan rangsangan** : markah maksimum memuaskan tetapi jika huraian menjurus idea – markah peringkat kepujian.

6. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum **peringkat kepujian**.
7. Sekiranya calon mengambil satu isi yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, layak diberikan **cemerlang**.
8. *Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200-250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunai kemampuan untuk menulis dengan lebih panjang.*

Komen pemeriksa:

T :Tugasan

I : Idea

B: Bahasa

(lebih baik jika pemeriksa dapat memasukkan P: pengolahan dalam komen)

Bahagian B (100 markah)

Soalan 1:

Semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat hari ini dikatakan kian luntur.

Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk memupuk semangat kejiranan.

Tugasan Soalan:

1. Calon perlu menjelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk memupuk semangat kejiranan dengan merujuk semangat kejiranan semakin luntur dalam kalangan masyarakat.
2. Karangan calon mestilah mengandungi idea tentang:
 - a. Langkah-langkah
 - b. Pelbagai pihak
3. Jika calon menghuraikan salah satu aspek sahaja tetapi dikaitkan dengan memupuk semangat kejiranan – **layak peringkat baik sahaja**.
4. Huraian perlu mengaitkan ‘...untuk memupuk semangat kejiran’ dan sekiranya huraian dengan menyatakan pelbagai pihak secara umum sahaja – **peringkat baik sahaja**.
5. Langkah-langkah pelbagai pihak :
 - a. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak.
 - b. masyarakat perlu menjalankan aktiviti yang selaras dengan usaha untuk memupuk semangat kejiran dalam kalangan masyarakat.
 - c. Pihak sekolah menerapkan semangat kejiranan.
 - d. Pihak kerajaan perlu mengadakan kempen yang berkisarkan memupuk semangat kejiran dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Menganjurkan Rumah Terbuka Malaysia
 - e. Peranan masyarakat seperti menubuhkan pertubuhan sukarela – KRT, JKKK dan sebagainya.
 - f. Media massa menyiarkan dokumentari/iklan tentang semangat kejiranan

Soalan 2

Kesedaran sivik merupakan aspek penting dalam kehidupan.Namun sikap ini semakin kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat.

Huraikan punca-punca wujudnya keadaan ini dan cara-cara untuk menerapkan kesedaran tersebut.

Tugasan Soalan:

1. Calon perlu menghuraikan punca-punca kesedaran sivik kurang diamalkan dalam kalangan masyarakat dan cara-cara menerapkan kesedaran tersebut.
2. Karangan calon mestilah mengandungi idea tentang:
 - a. Punca-punca
 - b. Cara-cara

3. Jika calon menggunakan ganti nama ‘**saya**’ impresion turun.
4. Calon perlu menghuraikan contoh-contoh kesedaran sivik yang perlu diamalkan dalam masyarakat.
5. Sekiranya huraian contoh kesedaran sivik sahaja – **peringkat memuaskan** sahaja
6. Sekiranya menghuraikan satu aspek sahaja- markah **peringkat baik** sahaja.
7. Jika calon menghuraikan punca dan cara tanpa memberikan huraian untuk menerapkan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat – markah **peringkat baik sahaja**.
8. Sekiranya huraian melibatkan sesetengah kelompok masyarakat sahaja seperti masyarakat pelajar, sekolah dan sebagainya– **periksa seperti biasa**.
9. Cadangan isi:
 - a. Punca- Institusi rumah tangga/keluargabermasalah.
 - Semangat patriotik yang rendah
 - Keghairahan mengejar kebendaan telah mewujudkan masyarakat yang individualistik dan materialistik.
 - Pengaruh budaya Barat dan media massa
 - Jawapan yang sesuai boleh diterima.
 - b. Cara – Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), elemen nilai-nilai murni wajib diterapkan dalam setiap mata pelajaran.
 - Nilai-nilai kesusasteraan pula kini diterapkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Melalui cerpen, novel, drama dan puisi yang diajarkan dari peringkat Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima, tema-tema yang berkenaan dengan nilai-nilai murni dan semangat cinta akan negara telah diterapkan.
 - Aktiviti kokurikulum merupakan wahana yang paling berkesan dalam membentuk sikap murni seperti bertanggungjawab, bekerjasama dan hormat-menghormati dalam diri para pelajar.
 - Mewajibkan remaja yang berusia lapan belas tahun menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mampu meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan golongan muda di negara kita ini.
 - **Ibu bapa** akan menjadi contoh teladan yang paling hampir untuk diikuti oleh anak-anak.
 - Amalan bergotong-royong yang menjadi teras konsep bekerjasama dalam masyarakat kita perlu disuburkan kembali
 - Amalan rumah terbuka serta ziarah-menziarahi pada musim-musim perayaan juga merupakan amalan positif yang akan meningkatkan kesedaran sivik dalam masyarakat kita.
 - **Negara** kita juga perlu menguatkusakan peraturan dan undang-undang yang melibatkan rakyat yang kurang kesedaran sivik.

Soalan 3

Sejak akhir-akhir ini banyak rungutan timbul terhadap mutu pengangkutan awam di negara kita.

Bincangkan langkah-langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam.

Tugasan Soalan:

1. Tugasan soalan ialah **langkah-langkah** untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara kita.
2. Calon perlu menghuraikan langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam dengan mengaitkan contoh perkhidmatan awam – **peringkat cemerlang**.
3. Jika huraian calon tentang langkah sahaja tanpa mengaitkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam- **peringkat memuaskan sahaja**.
4. Sekiranya calon menghuraikan contoh pengangkutan awam sahaja tanpa mengaitkan usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam, karangan dianggap **kurang menjawab tugas** dan markah maksimum di **peringkat kurang memuaskan (21-35)**
5. Jika calon mengambil contoh beberapa jenis pengangkutan awam dan mengaitkan dengan langkah untuk meningkatkannya, **karangan diterima**.
6. **Cadangan Jawapan:**
 - kerajaan perlu meningkatkan kualiti pengangkutan awam di Malaysia dengan mewujudkan pasukan pengurusan yang mantap dan dinamik
 - kerajaan perlu memperbanyak pengangkutan awam bagi menampung permintaan pengguna yang tinggi terutama di bandar-bandar utama
 - kerajaan perlu menyediakan sistem pengangkutan awam yang tidak memerlukan masyarakat bertukar rangkaian pengangkutan awam beberapa kali untuk sampai ke destinasi

- kerajaan perlu memikirkan cara yang mudah untuk masyarakat membeli tiket pengangkutan awam seperti menyediakan sistem membeli tiket secara berpepadu
- kerajaan perlu menetapkan harga tiket yang murah atau mampu dibeli oleh pengguna supaya tidak membebankan pengguna terutama yang berpendapatan rendah
- Sistem Pengangkutan Awam Darat (SPAD) perlu membuat kajian secara menyeluruh tentang permasalahan yang dialami oleh pengguna pengangkutan awam bagi meningkatkan perkhidmatan sistem pengangkutan awam
- pengusaha pengangkutan awam perlu memastikan jadual kekerapan perjalanan dan masa ketibaan menepati jadual yang dirancang supaya pengguna tidak membazirkan masa mereka
- pengusaha pengangkutan awam perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan syarikat kenderaan mereka dengan meletakkan televisyen dan radio supaya pengguna tidak berasa bosan apabila menaiki kenderaan mereka
- pengusaha pengangkutan awam perlu memasang sistem perakam kamera pada kenderaan masing-masing untuk merakam perlakuan atau sikap pemandu yang tidak berdisiplin dan melanggar peraturan jalan raya
- pengusaha pengangkutan awam perlu memikirkan kemudahan untuk pengguna meletakkan kenderaan mereka sebelum menggunakan pengangkutan awam supaya tidak mengganggu lalu lintas sehingga boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas
- pengusaha pengangkutan awam perlu memastikan keselamatan kenderaan yang ditinggalkan oleh pengguna yang menggunakan pengangkutan awam mereka untuk memberi keyakinan kepada pengguna terhadap pengangkutan awam
- media massa perlu menguar-uarkan kempen menggunakan pengangkutan awam di Malaysia untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas
- masyarakat perlu menyahut saranan kerajaan supaya menggunakan pengangkutan awam untuk ke tempat kerja bagi mengelakkan pertambahan kenderaan di atas jalan raya sekali gus menyebabkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak
- pihak sekolah perlu memberi penerangan kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan menggunakan pengangkutan awam seperti dapat mengelakkan kemalangan jalan raya, dapat mengelakkan kesesakan lalu lintas dan dapat mengurangkan pencemaran udara melalui pembebasan asap daripada kenderaan

Soalan 4:

Banyak usaha telah dijalankan oleh negara-negara di dunia untuk memastikan bekalan air bersih mencukupi.

Huraikan usaha-usaha tersebut.

Tugasan Soalan:

1. Calon mesti menjelaskan **usaha-usaha** yang dijalankan oleh negara-negara di dunia untuk memastikan bekalan air bersih mencukupi.
2. Karangan calon mestilah mengandungi idea tentang:
 - a. Banyak usaha
 - b. Pelbagai pihak
3. Sekiranya calon menulis **usaha-usaha di peringkat Malaysia sahaja**, huraianya tidak menjurus ke peringkat antarabangsa- markah maksimum **peringkat baik**.
4. Jika calon menyatakan usaha negara-negara dunia secara umum tanpa mengaitkan usaha untuk memastikan bekalan air bersih mencukupi – **peringkat baik sahaja**.
5. Sekiranya calon menulis “untuk memastikan bekalan air bersih mencukupi” pada akhir setiap perenggan tanpa huraian – **markah peringkat baik**.
6. Maksud negara-negara dunia ialah negara-negara yang terlibat dalam usaha untuk memastikan bekalan air bersih mencukupi termasuk Malaysia.
7. **Cadangan isi:**
 - a. memperbanyak pembinaan loji rawatan air bagi membolehkan air sungai, air tasik dan air dari sumber lain yang tercemar diproses menjadi sumber air bersih.
 - b. peningkatan dari aspek penyelidikan dan pembangunan (R & D) juga sangat penting dalam membantu menambah sumber bekalan air bersih.
 - c. menyediakan lebih banyak kawasan tadahan air bagi memastikan bekalan air bawah tanah dapat dimaksimumkan

- d. pembuangan sisa kimia dan toksik juga perlu dikawal bagi memastikan sumber bekalan air tidak terdedah kepada sebarang bentuk pencemaran.
 - e. meningkatkan kecekapan operasi operator air melalui pengawalseliaan SPAN termasuk memantau dan menetapkan KPI untuk program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW);
 - f. melaksanakan program penyaluran air mentah dan terawat bagi memastikan negeri yang mengalami kekurangan sumber air mempunyai sumber air yang mencukupi;
 - g. meneroka sumber-sumber air alternatif seperti air bawah tanah, kolam, tasik, retention pond dan lain-lain untuk dijadikan punca air tambahan dan rizab pada masa hadapan bagi menghadapi masalah pemanasan global (global warming) dan perubahan cuaca dunia (climate change)
 - h. memupuk kesedaran pengguna bagi menggalakkan penjimatian air serta penggunaan air secara berhemah melalui kempen di media cetak dan elektronik.
- **Fokus kepada penglibatan dan bentuk usaha negara-negara dunia dalam memastikan bekalan air bersih mencukupi.**

Soalan 5:

**Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit
Sediakan payung sebelum hujan
Ingat sebelum kena jimat sebelum habis**

**Peribahasa-peribahasa di atas menjelaskan bahawa amalan menabung sangat penting.
Bincangkan faedah-faedah amalan menabung dalam kehidupan.**

Tugasan Soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan faedah-faedah amalan menabung dalam kehidupan.
2. Sekiranya calon menghuraikan peribahasa yang diberi, tanpa menyatakan kepentingan menabung dalam kehidupan, -masih menjawab tugasannya – **peringkat memuaskan. Bergantung kepada huraihan calon, sekiranya lebih menjurus kepada idea di akhir setiap perenggan – boleh diterima – peringkat kepujian**
3. Peribahasa yang diberi hanyalah panduan untuk menjawab tugasannya tetapi boleh dijadikan contoh untuk menghuraikan idea.
4. Sekiranya calon menulis kepentingan amalan menabung secara umum – **peringkat kepujian**
5. Jika huraihan lebih merujuk kepada golongan tertentu, **boleh diterima.**
6. **Cadangan isi:**
 - a. membolehkan seseorang merencana masa depan dengan ekonomi yang kukuh dan mapan
 - b. membantu kita membayai kos pendidikan yang sempurna
 - c. menjamin keselesaan dan kesenangan hidup kita.
 - d. menjadi medium penyelamat bagi kita menghadapi sebarang kemungkinan dalam kehidupan.
 - e. benteng untuk mendepani realiti dunia baru yang pantas berubah dan berkembang
 - f. meringankan beban keluarga.
 - g. tujuan kecemasan.
 - h. mempelajari selok-belok dunia perbankan. Menyumbang kepada ekonomi dalam negara kerana wang yang ditabung akan dilaburkan sekali gus menjamin keteguhan ekonomi negara.

Komen pemeriksa:

T = Tugasan

I = Idea

B = Bahasa

P = Pengolahan

(berikan komen yang lengkap dan terperinci. Sila berikan komen tambahan jika ada sesuatu perkara yang menjadi penyebab markah diturunkan atau dinaikkan)

